

No. Soalan: 20
PR-1342-L75198

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
[TUMPAT]

TARIKH : 26 MEI 2016

**SOALAN : Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]
minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan apakah hasil-hasil penting
sidang kemuncak Nuclear Security yang
diadakan di Washington pada April 2016
dan apakah manfaatnya kepada Malaysia.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, Sidang Kemuncak Mengenai Keselamatan Nuklear Keempat (*Nuclear Security Summit – NSS*), telah diadakan di Washington D.C., Amerika Syarikat pada 31 Mac dan 1 April 2016. Delegasi Malaysia telah diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri.

3. Sidang Kemuncak tersebut telah membincangkan mengenai langkah-langkah untuk memperkuatkan lagi kawalan keselamatan secara menyeluruh dan berkesan ke atas bahan dan teknologi nuklear dan radiologikal serta membasmi pemerdagangan tidak sah (*illicit trafficking*) bahan dan teknologi bagi mengelakkan ia daripada diperolehi kumpulan pengganas. Dalam hal ini, langkah-langkah pencegahan, penguatkuasaan dan kerjasama di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa telah dikenal pasti.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Di akhir persidangan ini, Ketua-ketua Negara / Kerajaan dan Ketua-Ketua Pertubuhan Antarabangsa yang terlibat telah meluluskan satu Kenyataan Bersama (*Joint Communiqué*). Ia menyenaraikan dasar-dasar dan usaha-usaha untuk memperkuatkan keselamatan nuklear serta

langkah-langkah menangani pemerdagangan tidak sah bahan-bahan dan teknologi nuklear yang boleh dilaksanakan oleh negara-negara dan pertubuhan-pertubuhan yang terlibat.

5. Kenyataan Bersama tersebut juga mengandungi Pelan Tindakan (*Plan of Action*) bagi menyokong pelaksanaan keselamatan nuklear oleh lima buah pertubuhan dan inisiatif antarabangsa, iaitu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), *International Atomic Energy Agency* (IAEA), *International Criminal Police Organization* (INTERPOL), *Global Initiative to Combat Nuclear Terrorism* (GICNT) dan *Global Partnership Against the Spread of Weapons and Materials of Mass Destruction*.

6. Antara manfaat yang diperoleh dari Sidang Kemuncak ini adalah – pertama, Kerajaan akan memperkuatkannya rejim perundangan dan dasar Negara bagi memastikan keselamatan bahan nuklear di Malaysia terus terjamin. Kedua, agensi-agensi berkaitan dapat berkongsi kepakaran dan amalan terbaik menerusi rangkaian kerjasama dengan pakar-pakar dari negara-negara lain. Ketiga, melalui Pelan Tindakan yang telah dipersetujui, Malaysia akan memperoleh bantuan dari segi pembangunan keupayaan serta perkongsian data dan maklumat bagi mengukuhkan lagi keselamatan bahan nuklear di Malaysia melalui pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Semasa Sidang Kemuncak tersebut YAB Timbalan Perdana Menteri telah menekankan beberapa perkara pokok iaitu walaupun fokus NSS adalah kepada keselamatan dan ketakcambahan senjata nuklear, usaha-usaha untuk mencapai matlamat perlucutan senjata nuklear perlu

diberi keutamaan. Selain itu, langkah-langkah yang kukuh di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa adalah amat perlu untuk menjamin keselamatan bahan-bahan nuklear. Tindakan awalan dan pencegahan (*preemptive and preventive*) perlu diambil untuk mencapai matlamat ini. Beliau menyatakan bahawa masyarakat antarabangsa perlu mempertingkatkan lagi kerjasama dalam pembangunan keupayaan, pertukaran maklumat dan perisikan serta melaksanakan amalan-amalan terbaik (*best practises*).

8. Malaysia telah menyertai proses NSS semenjak tahun 2010 atas matlamat mencapai wawasan dunia tanpa senjata nuklear. Penyertaan Malaysia ini juga menzahirkan sokongan padu negara ke atas usaha-usaha untuk memperkuuh dan menjamin keselamatan bahan-bahan dan teknologi nuklear.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]**

TARIKH : 26 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN : 21

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-

- (a) berapakah kadar kenaikan sebenar, kadar caj penerbangan yang dikenakan oleh Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (Misalnya *ANFC-Air Navigation Flight Charges, AOC-AIR Operators Certificate dan PFL-Pilots Flight License*); dan
- (b) impak kenaikan caj yang dimaksudkan di atas ke atas industri pelancongan negara terutama sekali kepada pelancong kadar rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah bersetuju supaya kenaikan kadar fi dan caj di bawah Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Fi dan Caj) 2016 bermula 15 April 2016 dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh 3 hingga 5 tahun, bermula dengan kenaikan satu kali ganda.
- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, penetapan terhadap kadar fi dan caj baru ini telah dibuat melalui sesi konsultasi dengan pihak industri serta kajian perbandingan dengan negara-negara maju dan serantau yang lain seperti Australia, New Zealand, Singapura dan Hong Kong. Dalam hubungan ini, kenaikan fi dan caj baru yang dikenakan masih rendah dan kompetitif berbanding di negara-negara tersebut serta tidak memberikan impak negatif ke atas industri pelancongan negara terutama sekali kepada pelancong yang menggunakan perkhidmatan penerbangan tambang rendah.